

(P)

**PEMBERONTAKAN 'ABD ALLAH BIN 'ALI : KAJIAN
TENTANG SIASAH ABU JA'FAR AL-MANSŪR
TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA**

BURHANUDDIN HAJI WAHAB

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511558997

**PEMBERONTAKAN 'ABD ALLAH BIN 'ALI : KAJIAN
TENTANG SIASAH ABU JA'FAR AL-MANSŪR
TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA**

BURHANUDDIN HAJI WAHAB

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN II
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

ABSTRAK

Disertasi ini cuba menganalisis dan mengetengahkan aspek praktikal *siasah* Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr dalam menghadapi saingan politiknya. Ia bertujuan mengenal pasti kaedah atau strategi yang digunakan oleh Khalīfah al-Manṣūr bagi menghadapi pesaing-pesaing politiknya. Pemberontakan 'Abd Allāh bin 'Alī yang digandingkan bersama-sama tumpuan utama kajian adalah merupakan landasan kepada kajian ini bagi menjelaskan *siasah* al-Manṣūr dalam hal berkaitan. Pemberontakan bapa saudaranya ini wajar dijadikan landasan kerana ia adalah pemberontakan pertama pada awal pemerintahan al-Manṣūr, tambahan pula 'Abd Allāh mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya sebagai bapa saudara.

Kejayaan al-Manṣūr mengekang kebangkitan 'Abd Allāh dengan strategi yang halus dan siasah yang licik bolehlah dianggap sebagai penanda aras keupayaan beliau dalam menerajui *daulah* 'Abbāsiyyah seterusnya. Taktik serta pendekatan Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr dalam menghadapi saingan politiknya merupakan isu penting yang hendak diketengahkan dalam disertasi ini.

Cabaran besar yang dihadapi oleh al-Manṣūr dalam memantapkan *daulah* 'Abbāsiyyah ialah kemunculan pemberontakan-pemberontakan besar pada zamannya. Kebangkitan golongan '*Alawiyīn* dari kalangan Syī'ah dan kumpulan-kumpulan lain sudah cukup untuk mencemaskan al-Manṣūr. Keadaan menjadi lebih kronik dengan wujudnya ancaman-ancaman dalaman yang mengancam masa depan politik al-Manṣūr. Ini termasuklah ancaman tokoh-tokoh besar dalam

kerajaan seperti bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. ‘Alī dan Abū Muslim al-Khurāsānī yang berusaha melebarkan pengaruh masing-masing.

Kelicikan siasah al-Manṣūr terserlah apabila beliau berjaya mengeksplotasi pengalaman musuh-musuh politik dalamannya untuk meneruskan hegemoni politik peribadinya dan seterusnya memantapkan *daulah* ‘Abbāsiyyah. Sebagai contoh pengalaman perang yang dimiliki oleh Abū Muslim dipergunakan secara optimum oleh al-Manṣūr bagi menyekat beberapa siri pemberontakan. Namun Abū Muslim akhirnya menjadi korban siasah al-Manṣūr apabila dituduh cuba menggulingkan al-Manṣūr. Begitu juga nasib yang menimpa ‘Abd Allāh, bapa saudaranya dan ‘Isā b. Mūsā, Putera Mahkota yang juga anak saudaranya.

Penvingkiran tokoh-tokoh utama *daulah* ‘Abbāsiyyah pada zaman al-Manṣūr dilakukan secara halus olehnya tanpa mengambil kira jasa besar mereka terhadap *daulah*. Secara umumnya al-Manṣūr telah mengimplementasikan pelbagai pendekatan politik dalam usaha menyekat ancaman-ancaman tersebut. Ini termasuklah penggunaan *siasah al-tuhmah*, *siasah* serampang dua mata, helah diplomasi, memerangkap musuh dengan tindakan tertentu, penyebaran propaganda, sogokan kemewahan serta politik pecah dan perintah (*siasah al-taqṣīm*).

ABSTRACT

This dissertation tries to analyse and put forward the practical aspects of Khalīfah Abū Ja'far al-Maṇṣūr's *siasah* in facing his political challenges. It is aimed at identifying the methodologies or strategies employed by Khalīfah Abū Ja'far al-Maṇṣūr in facing his political rivals. The uprising of 'Abd Allāh bin 'Alī which is associated with the main intention of the study is the basic to this study in order to explain al-Maṇṣūr's *siasah* in the related matter. The uprising of his uncle is suitable as a groundwork to this study became it was the first uprising during the early reign of al-Maṇṣūr. Furthermore, 'Abd Allāh had family ties with al-Maṇṣūr as an uncle.

The success of al-Maṇṣūr in suppressing the uprising of 'Abd Allāh with his subtle strategies and crafty *siasah* can be considered as an indication of his ability to lead further the Abbasid Dynasty. An important issue that is forwarded in this dissertation is the tactics as well as the approaches adopted by Khalīfah Abū Ja'far al-Maṇṣūr in facing his political challenges

The emergence of numerous massive uprisings was a great challenge to al-Maṇṣūr who has trying to consolidate the Abbasid Dynasty. The uprisings of the *'Alawiyīn* from the *Shī'ah* faction and many other groups were enough to intimidate al-Maṇṣūr. The situation became gravely aggravated with the emergence of internal threats that threatened the political future of al-Maṇṣūr. These included the threats from prominent figures in the government such as his uncle 'Abd Allāh

b. ‘Alī, and Abū Muslim al-Khurāsānī, who tried to spread their respective influence.

The crafty *siasah* of al-Manṣūr was clearly noticeable when he was successful in exploiting the expertise of his internal political rivals in order to continue his own political hegemony and further consolidate the Abbasid Dynasty. For instance, Abū Muslim’s experience in wars was exploited to the maximum by al-Manṣūr to thwart and suppress a number of uprisings. Yet, Abū Muslim finally became the victim of al-Manṣūr’s *siasah* when he was accused of trying to overthrow al-Manṣūr. His uncle ‘Abd Allāh, and the Crown Prince ‘Isā b. Mūsā, who was his nephew, also received the same fate.

The removal of the prominent figures of the Abbasid Dynasty during his reign was carried out subtly by al-Manṣūr without taking in consideration their great contributions towards the Dynasty. On the whole, al-Manṣūr implemented various political approaches in his effort to subdue the threats during his rule. These included the utilization of *siasah al-tuhmah*, ‘double-advantage’ *siasah*, diplomatic craftiness, deceiving the enemies through certain actions, the spread of propaganda, showering with wealth as well as adopting the politics of ‘divide and rule’.

موجز البحث

يعتبر البحث محاولة للكشف عن سياسة الخليفة المنصور ثان خلفاء الدولة العباسية ومؤسسها الحقيقي تجاه معارضيه السياسيين. و هذا البحث يقصد من دفتيه معرفة الأساليب السياسية التي مارسها المنصور ضد هؤلاء التائرين في وجهه من السياسيين البارزين في عصره . وجدير بالذكر بأن البحث عن سياسة المنصور في مواجهة معارضيه السياسيين انطلق من الصراع الدامي الذي حدث بين المنصور وعمه عبدالله الذي حرج عليه في بداية خلافته. و ذلك لأن الصراع في ذاته يعتبر تمهدًا هاماً تعرف من خلاله على السياسة التي مارسها المنصور نحو منافسيه وكل من يعتبره خطراً يهدد كيانه السياسي .

فتحاج المنصور في كتب جماع عممه عبدالله يكون-طبعاً -سياسة خاصة وطريقة رائعة يستحق البحث عنها. وهذا التجاج يمثل أولى الإشارات للقدرات السياسية التي امتلكها المنصور وخاصة في مواجهة خصميه السياسيين. إذن فالقضية المطروحة على بساط البحث هي تلك السياسات والوسائل التي استخدمها المنصور طوال فترة قيشه لزمام الخلافة الإسلامية حداً لنهضة وتقدير هؤلاء السوسان المعارضين.

ومن أعظم التحديات التي واجهها المنصور أثناء خلافته ظهور الثورات المعاذية لسياساته مثل ثورة العلوين في مدیني الحجاز والكوفة والحرکات الأخرى المسماة بحركات المولى. فهذه التحديات بدأت تتزايد بظهور عناصر داخلية التي تهدىء مستقبل سياسة المنصور فور تربيعه على عرش الدولة. وتلك التحديات هي محاولة هؤلاء السياسيين من حول المنصور نزع الخلافة منه. ومن ضمن هؤلاء عممه اثنان عبدالله ابن علي والقائد المتمم أبو مسلم الخراساني.

وسترى بوضوح ما اتسم به المنصور من سياسة المكر والخداع والاستدراج ضد مهدده السياسيين حيث استغل خبرائهم خدمة لسياسة الفردية من ناحية وضماناً لاستقرار النوبة الناشئة من ناحية أخرى. فاستعان بأبي مسلم في ضرب عممه التائر ثم تخلص أيضاً من أبي مسلم الذي سجل يداً بيضاء في خدمة الدولة العباسية . وهكذا فعل يجمع من يعتبره خطراً يعرقل

وتحول دون نيل ما لمناه من المكاسب السياسية.

فالمنصور أطاح هؤلاء دون أدنى احترام لما بذلوه من خدمات حلية قبل وبعد قيام الدولة العباسية. هذا ، وقد استخلصت في هذا البحث بذكر ما مارسها المنصور ضد خصومه السياسيين من سياسة القهر حيناً واللين حيناً آخر ومارسة سياسة المكر والخداع والحلبة والاستدراج أحياناً أخرى ما لا يعقله مثله من الخلفاء ضد خصومهم.

PENGHARGAAN

أَهْمَدَ اللَّهُ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَمَّ الصَّالِحَاتُ وَأَصْلَى وَأَسْلَمَ عَلَى النَّبِيِّ الْمَادِيِّ إِلَى الْخَيْرَاتِ وَعَلَى أَهْلِ الْأَطْهَارِ وَأَصْحَابِهِ الْأَعْيَارِ

Kesyukuran yang tidak terhingga dira'fa'kan ke hadrat Allāh s.w.t. kerana dengan 'inayah, kehendak serta kekuasaanNya disertasi ini berjaya disiapkan.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih (جزاك الله خيراً كثيراً) khas kepada penyelia saya, iaitu yang berbahagia ustādh Abdullah Yūsop yang telah berbesar hati menyelia disertasi ini dari awal hingga ke akhir. Ucapan yang sama juga saya tujukan kepada perpustakaan API, Kuala Lumpur dan perpustakaan API, Nilam Puri yang telah memberi kemudahan pinjaman dan rujukan.

Tidak lupa juga kepada semua tenaga akademik API, khususnya yang telah menyumbang kepakaran dalam bidang masing-masing sewaktu di bilik kuliah iaitu Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah, Prof. Madya Mohamad Kamil Hj. Ab Majid, Allahyarham Prof. Madya Sidik Haji Baba, Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Berahim (@ Ibrahim dan Prof Madya Dr. Ali Mohamad (أجزل الله عطاءهم وتألهم على خدمتهم خيراً كثيراً).

Penghargaan yang sama juga dirakamkan buat teman-teman seperjuangan yang telah sudi memberikan sumbangan idea, pendapat serta bantuan yang cukup bermakna bagi menyiapkan kajian ini.

Kalungan penghargaan juga diabadikan buat isteri tersayang, Puan 'Azīzah Muṣṭaffa yang sentiasa memberikan dorongan, semangat serta peransang sehingga disertasi ini berjaya diselesaikan. Juga kepada anak-anak iaitu 'Irfān, 'Abīr, Ilhām dan Īnās yang sentiasa memahami kesibukan "baba" sewaktu menyiapkan kajian ini.

Semoga Allāh s.w.t. akan membalas segala bantuan dan pertolongan yang telah yang telah disumbangkan dalam usaha menjayakan kajian ini. *Āmīn yā Rabbal 'Ālamīn.*

Nama : **BURHANUDDIN HAJI WAHAB**
Nø. K.P : **690614-02-5685**
No. Pendaftaran: **IGB99007**
Alamat : **17, LRG. BLM 2/12,
BANDAR LAGUNA MERBOK, 08000 SUNGAI PETANI,
KEDAH DARUL AMAN.**

PENDAHULUAN

Abū Ja'far al-Mansūr adalah seorang Khālifah 'Abbāsiyyah yang telah memberikan sumbangan besar dalam usaha menegakkan kekuasaan Banī 'Abbās setelah tumbangnya kerajaan Banī Umayyah di Timur. Pelbagai rintangan terpaksa dihadapi oleh beliau sepanjang pemerintahannya, khususnya siri-siri pemberontakan yang tak pernah kunjung padam. Ternyata bahawa siri-siri pemberontakan tersebut merupakan batu penghalang yang menyekat perkembangan *daulah* 'Abbāsiyyah yang diperjuangkan. Namun pemberontakan-pemberontakan tersebut berjaya disekat oleh al-Mansūr daripada merebak dengan menggunakan *siasah*, strategi atau pendekatan tertentu. Kejayaan al-Mansūr dalam menghalang ancaman-ancaman dalamani ini memperlihatkan ketokohannya sebagai politikus licik yang bijak mencuri peluang dari kelemahan musuh-musuhnya.

Cubaan al-Mansur untuk memusatkan kuasa dalam keturunannya seperti amalan Khalifah-khalifah terdahulu menimbulkan rasa tidak senang hati bapa saudaranya, 'Abd Allāh b. 'Alī, seorang tokoh terkemuka ketika gerakan 'Abbāsiyyah digerakkan. Keadaan ini mendorongnya melancarkan pemberontakan terhadap al-Mansūr dengan alasan beliau lebih berhak menyandang jawatan Khalifah. Penentangan yang dilancarkan oleh 'Abd Allāh b. 'Alī tidak dipandang mudah oleh al-Mansūr lantaran pengaruh bapa saudaranya itu. Apalagi ini adalah penentangan pertama dari kalangan keluarga 'Abbās terhadap kepimpinan mereka sendiri.

Kewibawaan dan ketokohan al-Manṣūr jelas kelihatan dalam usahanya menyekat pemberontakan bapa saudaranya ini. Al-Manṣūr menggunakan berbagai kaedah dan pendekatan bagi menundukkan pemberontakan ini ke akar umbinya. Kejayaannya menyekat penentangan dari keluarga sendiri nampaknya telah memberikannya pengalaman yang amat berharga apabila beliau berjaya menghadapi siri-siri pemberontakan serta ancaman yang berlaku di sepanjang pemerintahannya.

Kejayaan al-Manṣūr dalam menghadapi ancaman-ancaman yang timbul pada zamannya telah menarik perhatian saya untuk mengkaji secara detil pendekatan yang telah diambilnya. Justeru itu melalui disertasi ini, saya akan berusaha membongkarkan taktik, kaedah, pendekatan atau *siasah* al-Mansūr dalam menamatkan ancaman terhadap kekuasaan politiknya. Semoga tujuan dan objektif kajian ini dibuat akan tercapai, insyā Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kesalahan dan kekurangan dalam kajian ini, maka ia berlaku secara tidak sengaja kerana kesempurnaan mutlak hanyalah milik Allāh s.w.t. semata-mata.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dibuat berdasarkan tajuk “Pemberontakan ‘Abd Allāh b. ‘Alī : Kajian Tentang Siasah Abū Ja‘far al-Manṣūr Terhadap Saingan Politiknya”. Fokus utama kajian ialah pendekatan-pendekatan politik yang diambil oleh Khalifah Abū Ja‘far al-Manṣūr ketika menghadapi pesaing-pesaing politiknya. Pemberontakan ‘Abd Allāh b. ‘Alī yang digandingkan bersama-sama fokus kajian adalah merupakan landasan utama dalam menganalisa pendekatan yang digunakan oleh al-Manṣūr.

Ketamakan terhadap kuasa, pangkat, kekayaan dan kedudukan merupakan fenomena yang sukar dipisahkan dari persada politik kemanusiaan. Terlalu banyak peristiwa yang boleh dijadikan contoh fenomena tersebut ketika Banī Umayyah menguasai persada politik, setelah berakhirnya era Khulafā’ al-Rāsyidīn. Fenomena ketamakan kuasa, perebutan kedudukan dan pangkat ini terus menguasai alam politik apabila kuasa pemerintahan bertukar kepada Banī ‘Abbās. Tidak ada bezanya dengan apa yang berlaku sebelumnya pada zaman Banī Umayyah.

Perebutan takhta yang berlaku di antara Abū Ja‘far al-Manṣūr dan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. Alī adalah sebahagian dari peristiwa yang membenarkan fenomena yang dimaksudkan. Insiden yang melibatkan dua tokoh utama dalam keluarga pemerintah merupakan satu peristiwa malang yang menimpa *daulah* ini. Sewajarnya semua pihak tidak mengambil kesempatan untuk memenuhi impian

peribadi di saat asas-asas pembentukan sebuah negara belum kukuh sepenuhnya. Namun perasaan tamakkan kuasa, kedudukan serta pangkat mengatasi segalanya. Berbezaikan kedudukan sebagai seorang pemerintah tentera Syam yang menguasai sebahagian besar tentera kerajaan serta kelengkapan ketenteraan, ‘Abd Allāh b. ‘Alī melancarkan penentangannya bagi merampas kembali hak *khilafah* yang didakwa miliknya.

Abū Ja’far al-Mansūr yang menerima amanah *khilafah* dari Khalifah Abū al-‘Abbās lantas mempertahankan amanah yang diterimanya. Al-Mansūr tentu sedar bahaya yang bakal menimpa *daulah* yang baru setahun jagung itu, dan dalam masa yang sama menggugat kepentingan politik peribadinya. Atas kesedaran inilah al-Mansūr merencanakan beberapa pendekatan serta tindakan politik dalam usahanya menyekat ancaman-ancaman saingannya. Zaman awal *daulah* Banī ‘Abbās sememangnya dipenuhi dengan banyak peristiwa pemberontakan yang menggugat kestabilannya. Justeru itu tindakan-tindakan politik yang dikira berkesan bagi memadamkannya telah diimplementasikan dengan berani oleh al-Mansūr. Strategi atau pendekatan yang diambil oleh al-Mansūr inilah yang menjadi intipati kajian yang ingin dipersembahkan ini. Semoga kajian ini membawa hasil yang dimaksudkan.

PENGERTIAN TAJUK

Fokus utama disertasi ini ialah mengkaji secara detil serta teliti aspek praktikal siasah Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr dalam menangani pemberontakan serta ancaman-ancaman lain pada zamannya. Untuk maksud ini tajuk yang dicadangkan ialah: "*PEMBERONTAKAN 'ABD ALLĀH BIN 'ALĪ: KAJIAN TENTANG SIASAH ABŪ JA'FAR AL-MANŞŪR TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA*".

"*PEMBERONTAKAN*" bermaksud perasaan tidak puashati yang disusuli dengan tindakan tertentu termasuk yang melibatkan penggunaan senjata bagi memperlihatkan penentangan terhadap polisi, ketetapan atau kaedah yang diimplimentasikan oleh individu atau pihak lain. Sesuatu pemberontakan tentunya mempunyai faktor-faktor tertentu yang menjadi sandaran pihak yang memberontak. Pihak yang ditentang juga mempunyai sebab-sebab tertentu mengapa mereka mempertahankan pendirian mereka. Justeru itu faktor atau sebab berlakunya pemberontakan akan turut menjadi fokus kajian. Alasan-alasan pemberontakan ini kemudiannya akan dinilai secara akademik sejauh mana kebenarannya berasaskan fakta-fakta Sejarah.

Perkataan "*SIASAH*" pula berakarumbikan perkataan Arab "سیاست".

Antara maksudnya ialah merencanakan sesuatu perancangan atau kaedah yang sesuai dalam mengendalikan sesuatu urusan. Dalam konteks kajian ini ia lebih terfokus kepada strategi, kaedah atau kebiasaan yang diikuti oleh Khalīfah al-

Manṣūr ketika berhadapan dengan pemberontakan atau saingan politiknya. Strategi Khalīfah al-Manṣūr dalam menghadapi situasi-situasi ini tentunya berbeza mengikut keadaan. Siasah atau strategi ini juga akan dirumuskan secara akademik berbuktikan tindakan-tindakan al-Manṣūr terhadap para penentangnya.

Sementara “*SAINGAN POLITIKNYA*” pula bermaksud tokoh-tokoh politik pada zaman al-Manṣūr yang melancarkan penentangan terhadap kepimpinannya samada secara terang-terangan atau tidak. Ia merangkumi tokoh-tokoh pemberontak pada zaman al-Manṣūr dan tokoh-tokoh dalam kerajaan Abbasiyyah yang berpengaruh serta berpotensi menggugat kedudukan politik beliau.

Secara umum kajian ini menyentuh dua bahagian. Bahagian pertama merupakan pemaparan tentang senario pemberontakan yang dipimpin oleh bapa saudara Khalīfah al-Manṣūr iaitu ‘Abd Allāh bin ‘Alī. Sementara bahagian kedua pula menumpukan kepada bentuk-bentuk tindakan yang telah diimplementasikan oleh al-Manṣūr terhadap saingan politiknya. Bahagian ini diakhiri dengan beberapa kesimpulan tentang siasah beliau hasil rumusan dari tindakan-tindakan tersebut.

PERUMUSAN MASALAH

Secara umumnya permasalahan yang boleh dirumuskan untuk menjadi intipati kajian ini berkisar di sekitar persoalan-persoalan berikut:

- 1- Apakah senario politik yang berlaku pada peringkat awal pemerintahan Khalīfah al-Manṣūr?
- 2- Siapakah Khalīfah al-Manṣūr dan ‘Abd Allāh bin ‘Alī? Sejauh mana ketokohan serta jasa masing-masing terhadap dinasti yang mereka bina bersama?
- 3- Kenapa ‘Abd Aliāh bin ‘Alī yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Khalīfah al-Manṣūr dilihat bersungguh-sungguh melancarkan pemberontakan terhadap al-Manṣūr di saat asas-asas pembentukan daulah ‘Abbāsiyyah belum kukuh sepenuhnya?
- 4- Adakah al-Manṣūr mempunyai musuh-musuh politik lain di kalangan tokoh-tokoh besar ‘Abbāsiyyīn di sekelilingnya? Siapa mereka? Sejauh mana ketokohan mereka dilihat menggugat hegemoni politik al-Manṣūr?
- 5- Wujudkah pemberontakan-pemberontakan besar yang lain selain dari pemberontakan yang dilancarkan oleh keluarga Khalīfah sendiri? Siapakah di sebalik setiap pemberontakan tersebut? Sejauh manakah pemberontakan tersebut meninggalkan kesan terhadap al-Manṣūr dan bagaimana al-Manṣūr menghadapinya?

- 6- Apakah bentuk strategi, kaedah atau siasah yang diimplementasikan oleh al-Manṣūr dalam menghadapi musuh-musuh politik yang berada di sekelilingnya?
- 7- Adakah strategi al-Manṣūr dalam hal ini merupakan penerusan kepada bentuk-bentuk tindakan atau implementasi terhadap arahan tokoh-tokoh pra pembentukan daulah ‘Abbāsiyyah seperti Ibrāhīm al-Imām atau seumpamanya?
- 8- Apakah tindakan-tindakan Khalīfah al-Manṣūr dalam konteks ini dilihat selari dengan saranan dan ajaran Islam.
- 9- Apakah usaha-usaha al-Mansūr dalam mempertahankan kekuasaannya dilihat sebagai penerusan kepada dasar pemusatkan kuasa di kalangan kaum keluarga seperti amalan Khalīfah-khalīfah Banī Umayyah sebelumnya?

Adalah diharapkan agar kajian ini akan berupaya membongkar serta menjawab permasalahan-permasalahan tersebut yang menjadi asas dan intipati disertasi ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang memfokuskan kepada siasah al-Manṣūr berasaskan tindakan yang diambil ketika beliau berusaha menangani pemberontakan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. ‘Alī ini dibuat bagi memenuhi beberapa tujuan iaitu:

- a) Untuk mengkaji secara terperinci insiden perebutan kuasa yang pertama kali berlaku dalam keluarga ‘Abbās pada awal pemerintahan mereka. Insiden yang berakhir dengan perang dan pembunuhan politik ini wajar dikaji kerana ia berlaku di ketika kerajaan ‘Abbāsiyyah masih pada tahap awal pembentukannya. Ia menjadi lebih menarik untuk dikaji kerana melibatkan dua tokoh yang mempunyai pengaruh serta jasa tersendiri pada peringkat awal gerakan ‘Abbāsiyyah.
- b) Pertembungan di antara dua tokoh ini telah melibatkan beberapa orang tokoh besar lain seperti Abū Muslim dan ‘Isā b. Mūsā. Mereka adalah antara tokoh gerakan ‘Abbāsiyyah yang tersingkir setelah memberikan sumbangan yang besar kepada al-Mansur dalam usahanya menyekat api pemberontakan pada zamannya. Untuk melihat secara dekat kebijaksanaan al-Manṣūr dalam mengeksplorasi keupayaan serta pengaruh tokoh-tokoh ini, maka kajian ini diadakan.
- c) Kajian ini juga bertujuan memperlihatkan ketokohan serta kematangan Abū Ja‘far al-Manṣūr dalam praktis politiknya sekaligus menjustifikasi

statusnya sebagai “Pengasas Sebenar Daulah Abbasiyyah” (*al-mu'assis al-ḥaqīqī li al-dawlah al-'Abbāsiyyah*) seperti yang diberikan kepadanya oleh ahli-ahli Sejarah.

- d) Dari pengamatan yang dibuat belum terdapat kajian khusus tentang *siasah* atau pendekatan Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr dalam menghadapi tokoh-tokoh yang menjadi pesaing politiknya. Kebanyakan penulis buku Sejarah hanya memusatkan penulisan mereka tentang ketokohan al-Manṣūr secara umum seperti yang dilakukan oleh Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan dan beberapa penulis lain. Penulisan yang agak lengkap tentang sejarah ketokohan dan kehidupan al-Manṣūr pernah dihasilkan oleh 'Abd al-Salām Rastam dalam karyanya “Abū Ja'far al-Manṣūr”. Namun kandungannya masih dalam dimensi ketokohan al-Manṣūr secara umum, dan bukannya pendekatan dari sudut pendekatan politik al-Manṣūr. Justeru itu disertasi ini akan berusaha membongkar aspek praktikal al-Manṣūr dalam hal berkaitan.

- e) Kajian ini juga bertujuan memperlihatkan betapa persengketaan yang berlaku, khususnya dalam kumpulan elit pemerintah akhirnya akan melemahkan kekuasaan mereka sendiri. Penyakit hasad, mementingkan diri sendiri, tamak kuasa, mengeksplorasi kedudukan untuk kepentingan diri dan sebagainya adalah antara beberapa elemen berbahaya yang telah meranapkan beberapa kuasa di dunia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang siasah, pendekatan dan strategi yang dipraktiskan oleh Khālidah Abū Ja'far sewaktu berhadapan dengan musuh-musuh politiknya mempunyai kepentingannya yang tersendiri khususnya apabila kita membicarakan tentang pemikiran politik Islam. Ahli-ahli politik boleh mempelajari sesuatu yang berfaedah dari peristiwa masa lampau sebagai landasan dalam amalan politik mereka. Mereka seharusnya boleh mengambil iktibar dari peristiwa silam. Kata orang Sejarah itu berulang. Justeru itu hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dalam pengamalan politik Islam.

Kajian ini juga diharap dapat mencetuskan semangat ingin meletakkan Islam sebagai asas dalam setiap tindakan politik atau bukan politik dan bukannya hawa nafsu sebagai asas dalam tindakan seseorang. Sifat-sifat keji yang ternyata membawa kepada kemusnahan dan kehancuran seharusnya dijauhi oleh setiap muslim, sama ada ia seorang ahli politik atau bukan.

Di sudut yang lain, adalah diharapkan hasil kajian ini sedikit sebanyak akan dapat menutup kekurangan kajian tentang sejarah politik Islam pada zaman kegemilangan Islam. Ini seterusnya akan membantu perkembangan akademik di bidang politik yang berteraskan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tentang siasah Abū Ja'far al-Manṣūr adalahi berbentuk kajian perpustakaan. Kajian ini memestikan pengkaji mencari sumber-sumber rujukan yang berupa buku-buku, jurnal-jurnal dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Pengkaji tidak mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber-sumber klasik dalam bahasa Arab yang dianggap sumber utama bagi kajian. Ini kerana karya-karya tersebut kebanyakannya terdapat di perpustakaan Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya. Karya-karya utama Sejarah ketamadunan Islam oleh al-Ṭabarī, al-Ya`qūbī, al-Dhahabī, al-Azdī, Ibn Khallikān, al-Mas`ūdī dan seumpamanya menjadi sandaran utama dalam menyiapkan kajian ini.

Di samping karya-karya utama tersebut, pengkaji juga berusaha memperolehi maklumat dari sumber sekunder yang merupakan ulasan kepada karya-karya klasik. Ini termasuklah tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Jurjī Zaydān, Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan, M.A Sha'bān, Ḥasan Khalīfah, 'Abd al-Salām Rastam, S.A.Q. Husaini, Syawqī Daif dan seumpamanya.

Kesukaran menyiapkan kajian ini tertumpu pada aspek memahami apa yang dibaca dari karya-karya agung Sejarah Islam. Agak sukar memahami ayat-ayat dalam kitab klasik. Setiap perkataan perlu diteliti dengan sempurna dan difahami dengan sebaik mungkin sebelum dicatat data berkaitan dan dibuat kesimpulan. Pengkaji juga menghadapi kesulitan dalam memperincikan pendekatan politik al-Manṣūr ketika menghadapi pesaing-pesaing politiknya kerana kebanyakan buku

yang ditulis hanya memberikan fokus kepada ketokohan al-Manṣūr secara umum. Kesimpulan tentang siasah al-Manṣūr dalam hal berkaitan terpaksa dianalisis melalui pembacaan terperinci mengenai kehidupan al-Manṣūr yang ditulis dalam buku-buku klasik dan semasa. Data-data berkaitan wujud secara berselerak dalam penulisan terdahulu yang menyentuh tentang kehidupan al-Manṣūr, khususnya sewaktu menghadapi pemberontakan pada zamannya.

A) METOD PENGUMPULAN DATA

Seperti yang dikatakan sebelum ini bahawa kajian ini adalah berbentuk kepustakaan (*library research*). Justeru itu data-data berkaitan dengan kajian ini diperolehi melalui dokumen-dokumen sejarah yang dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji sejarah ketamadunan Islam dalam tulisan-tulisan mereka.

Data-data berkaitan dengan siasah dan pendekatan al-Mansur dalam menghadapi saingan politiknya juga banyak terdapat dalam siri-siri surat yang diutus oleh al-Mansur kepada para penentangnya. Justeru itu pengkaji banyak memperolehi data dan maklumat berkaitan bersumberkan surat-surat berkenaan. Namun tidak semua pendekatan al-Mansur dalam hal berkenaan dapat difahami dari surat-surat tersebut. Ini kerana kandungan surat tersebut biasanya mengandungi pendekatan yang jelas seperti yang berbentuk ancaman dan penawaran harta kekayaan. Kerana itu pengkaji terpaksa menganalisis pendekatan-pendekatan lain dengan bersumberkan kepada tindakan-tindakan al-Mansur ketika menangani sesuatu ancaman terhadap masadepan politiknya. Sebarang tindakan al-Mansur terhadap penentang-penentangnya dikaji secara teliti bagi mendapatkan data-data berkaitan siasah yang menjadi amalan dan praktik beliau.

Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa pengumpulan data-data berkaitan kajian ini menggunakan Kaedah *Historis* dan *Dokumentasi*. Sumber-sumber data pula terbahagi kepada dua iaitu *primer* (utama) dan *sekunder*. Sumber utama terdiri daripada al-Qur'an, hadith dan karya-karya utama sejarah dan

ketamadunan Islam. Sementara sumber sekunder merupakan ulasan-ulasan terhadap sumber-sumber utama. Ia terdiri daripada jurnal, majalah dan sebagainya. Semua data yang diperolehi hasil penelitian dan pembacaan akan dicatit dan didokumentasikan bagi melihat fenomena sejarah yang berlaku.

B) METOD PENGANALISAAN DATA

Data-data berbentuk dokumen sejarah yang diperolehi samada dari sumber utama (primer) atau kedua (sekunder) dianalisis secara teliti dan cermat. Ini dilakukan melalui pembacaan berulang kali bagi memastikan dokumen/teks itu difahami dalam konteksnya. Secara umumnya data-data berkaitan diolah dan dianalisis melalui kaedah atau pendekatan *fenomena sejarah* bagi memahami *kronologi* atau rentetan peristiwa yang berlaku.

Bagi membuktikan ketokohan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur umpamanya, pengkaji terlebih dahulu memaparkan peranan dan jasa beliau pada peringkat pra dan pasca penubuhan daulah 'Abbasiyah. Fenomena atau senario sejarah ini akhirnya memperlihatkan kepada kita betapa al-Mansur dianggap antara tokoh utama serta penting dalam daulah 'Abbasiyah. Hal ini dikuatkan lagi dengan catatan sebahagian ahli sejarah seperti al-Suyuti bahawa al-Mansur layak menyandang gelaran Pengasas Sebenar (*al-Mu'assis al-Haqiqi*) daulah 'Abbasiyah. Keadaan yang sama juga dilakukan dalam memperlihatkan ketokohan saingen-saingen politik al-Mansur seperti 'Abd Allah bin 'Ali, Abu Muslim al-Khurasani dan 'Isa bin Musa.

Adakalanya data-data dianalisis dengan terlebih dahulu dilakukan *verifikasi sejarah* melalui *kritikan teks*. Contohnya ketika membuat penilaian terhadap alasan-alasan yang dikemukakan oleh 'Abd Allah bagi menjustifikasi

pemberontakannya, pengkaji terlebih dahulu melihat latar belakang mazhab politik penulis-penulis sejarah yang menulis tentang perkara tersebut. Begitu juga dengan teks-teks yang terdapat dalam catatan mereka. Catatan al-Mas'udi yang dilihat menyokong alasan yang dikemukakan oleh Abd Allah bahawa beliau lebih berhak terhadap jawatan Khalifah berbanding al-Mansur boleh dipertikaikan kerana beberapa faktor. Antaranya ialah faktor kecenderungan al-Mas'udi menyokong aliran *syi'ah*. Justeru itu mudah baginya menyalahkan al-Mansur. Begitu juga dengan laporannya bahawa Khalifah Abu al-'Abbas memberitahu Abu Ja'far al-Makhzumi bahawa beliau akan melantik sesiapa sahaja yang dapat membunuh Khalifah Marwan sebagai Putera Mahkota. Pemberitahuan rahsia sebesar dan sepenting ini kepada seorang bekas *wazir* Khalifah Marwan bin Muhammad yang amat memusuhi Bani 'Abbas amat menimbulkan keraguan dan boleh dipertikaikan kesahihan laporan tentangnya.

Dalam menganalisis data tentang siasah yang diimplementasikan oleh al-Mansur terhadap para penentang dan pesaing politiknya, pengkaji kembali menggunakan pendekatan/metod fenomena sejarah. Tindakan-tindakan yang dipraktis oleh al-Mansur diteliti dari data-data yang terkumpul termasuk dokumen-dokumen yang berupa surat yang diutus kepada para penentang atau pesaingnya. Hasil penelitian ini akhirnya membawa pengkaji kepada satu konklusi yang konkret tentang siasah al-Mansur dalam hal berkenaan. Dalam membuktikan *siasah al-tuhmah* yang diamalkan oleh al-Mansur, beberapa contoh tindakan beliau berasaskan *tuhmeh*/ tuduhan terhadap para penentangnya dijadikan sandaran dan asas bagi membenarkan siasah tersebut.

SISTEMATIKA PENULISAN

Disertasi ini mengandungi empat bab. Dalam bab pertama saya cuba mendekati dua tokoh utama yang terlibat dalam konflik yang berlaku pada awal pemerintahan al-Manṣūr iaitu Khalīfah al-Manṣūr sendiri dan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh bin ‘Alī. Latarbelakang kedua-dua tokoh ini dikaji bagi memperlihatkan sumbangan dan ketokohan mereka dalam *daulah* ‘Abbāsiyyah.

Bab kedua pula menyentuh tentang konflik yang berlaku di antara mereka berdua yang melibatkan faktor-faktor yang membawa kepada pemberontakan, alasan-alasan di pihak ‘Abd Allāh, perisytiharan dirinya sebagai Khalīfah serta penolakan secara ilmiah alasan-alasan yang dikemukakan oleh ‘Abd Allāh.

Strategi serta siasah al-Manṣūr dalam menghadapi pemberontakan ini dijelaskan dalam bab ketiga disertasi ini. Ini termasuklah penyediaan ketumbukan tentera yang besar, penobatan Abū Muslim sebagai ketua Operasi ketenteraan ke atas ‘Abd Allāh dan siasah licik al-Manṣūr dalam menamatkan pemberontakan ini ke akar umbinya.

Dalam bab keempat saya menyentuh secara ringkas siri-siri pemberontakan dan ancaman lain terhadap masa depan politik al-Manṣūr. Bab ini diakhiri dengan satu kesimpulan mengenai siasah atau pendekatan yang digunakan oleh Khalīfah al-Manṣūr terhadap saingan politiknya.

KEPENDEKAN

Al-Ālam al-Islāmī	Al-Ālam al-Islāmī fī al-‘Aṣr al-‘Abbāsī
API	Akademi Pengajian Islam
‘a.s.	‘Alayh al-Salām
c.	Cetakan
et. al.	Dan pengarang-pengarang lain
Al-Fakhrī	Al-Fakhrī fī al-Ādāb al-Sultāniyyah wa al-Duwāl al-Islāmiyyah
H.	Tahun Hijrah
h.	Halaman
ibid.	Rujukan yang sama
j.	Jilid
Al-Muḥāḍarāt	Muḥāḍarāt Tārīkh al-Umam al-Islāmiyyah
M.	Tahun Masihi
op. cit.	Rujukan yang berselang
ṣ.‘a. w.	Ṣalla Allāh ‘Alayh wa Sallam
s.w.t.	Subhānahū wa Ta‘ālā
terj.	Terjemahan
Tārīkh	Tārīkh al-Ya‘qūbī
Tārīkh al-Islām al-Siyāsī	Tārīkh al-Islām al-Siyāsī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfī wa al-Ijtima‘ī
k.w.	Karram Allāh Wajhahu

JADUAL TRANSLITERASI¹

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
ا	a	ب	b
ت	t	ث	th
ج	j	ح	h
خ	kh	د	d
ذ	dh	ر	r
ز	z	س	s
س	sy	ش	sh
غ	g	ف	f
ك	kh	ل	l
م	m	ن	n
ه	h	و	w
ي	y	هـ	h
ـ	-	ـ	-

¹ Lihat *Bukti Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001), diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, h. 32-42.

Vokal Panjang	Transliterasi
ā	ā
ū	ū
ī	ī

Diftong	Transliterasi
aw	aw
ay	ay
iy / ī	iy / ī

KANDUNGAN

	<i>h.</i>
	<i>ii</i>
<i>ABSTRAK</i>	<i>iv</i>
<i>ABSTRACT</i>	<i>vi</i>
<i>PENGHARGAAN</i>	<i>viii</i>
<i>PENDAHULUAN</i>	<i>x</i>
<i>LATAR BELAKANG KAJIAN</i>	<i>xii</i>
<i>PENGERTIAN TAJUK</i>	<i>xiv</i>
<i>PERUMUSAN MASALAH</i>	<i>xvi</i>
<i>TUJUAN KAJIAN</i>	<i>xviii</i>
<i>KEPENTINGAN KAJIAN</i>	<i>xx</i>
<i>METODOLOGI KAJIAN</i>	<i>xxi</i>
<i>A) METOD PENGUMPULAN DATA</i>	<i>xxiii</i>
<i>B) METOD PENGANALISAAN DATA</i>	<i>xxv</i>
<i>SISTEMATIKA PENULISAN</i>	<i>xxvii</i>
<i>KEPENDEKAN</i>	<i>xxviii</i>
<i>JADUAL TRANSLITERASI</i>	<i>xxix</i>
<i>DAFTAR ISI</i>	<i>xxxii</i>
	<i>xxxii</i>

KANDUNGAN

	ii
<i>ABSTRAK</i>	<i>ii</i>
<i>ABSTRACT</i>	<i>iv</i>
موجز → تراجمہ	<i>vi</i>
<i>PENGHARGAAN</i>	<i>viii</i>
<i>PENDAHULUAN</i>	<i>x</i>
<i>LATAR BELAKANG KAJIAN</i>	<i>xii</i>
<i>PENGERTIAN TAJUK</i>	<i>xiv</i>
<i>PERUMUSAN MASALAH</i>	<i>xvi</i>
<i>TUJUAN KAJIAN</i>	<i>xviii</i>
<i>KEPENTINGAN KAJIAN</i>	<i>xx</i>
<i>METODOLOGI KAJIAN</i>	<i>xxi</i>
<i>B) METOD PENGUMPULAN DATA</i>	<i>xxiii</i>
<i>C) METOD PENGANALISAAN DATA</i>	<i>xxv</i>
<i>SISTEMATIKA PENULISAN</i>	<i>xxvii</i>
<i>KEPENDEKAN</i>	<i>xxviii</i>
<i>JADUAL TRANSLITERASI</i>	<i>xxix</i>
<i>DAFTAR ISI</i>	<i>xxxii</i>
	<i>xxxiv</i>

Bab I

“ABŪ JA‘FAR AL-MANŞŪR DAN ‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ : LATAR BELAKANG TOKOH”

1.1 ABŪ JA‘FAR AL-MANŞŪR

<i>1.1.1 Kelahiran</i>	01
<i>1.1.2 Pendidikan</i>	02
<i>1.1.3 Keturunan</i>	02
<i>1.1.4 Sumbangan Sebelum Kekhalifahan</i>	05
<i>1.1.5 Perlantikan Sebagai Khalifah</i>	09
<i>1.1.6 Al-Manṣūr Sebagai Pengasas Daulah ‘Abbāsiyyah</i>	12
<i>1.1.7 Pembaharuan Dalam Pemerintahan Al-Manṣūr</i>	15
<i>1.1.8 Perwatakan</i>	19
<i>1.1.9 Kewafatan</i>	22
<i>1.2 ‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ</i>	
<i>1.2.1 Nama, Sifat dan Nisbah</i>	24
<i>1.2.2 Laqab (Gelaran)</i>	25
<i>1.2.3 Sumbangan Kepada Gerakan ‘Abbāsiyyah</i>	26
<i>1.2.4 Pengiktirafan Dari Khalifah Abū al-‘Abbās</i>	28

Bab II

“PEMBERONTAKAN ‘ABD ALLĀH BIN ‘ALĪ : CATATAN TENTANG FAKTOR DAN PERKEMBANGANNYA”

<i>2.1 Latarbelakang Pemberontakan</i>	30
<i>2.2 Penolakan Bay’ah Terhadap Al-Manṣūr</i>	33
<i>2.3 Pencalonan Diri Sebagai Khalifah</i>	35
<i>2.4 Alasan Tuntutan Hak</i>	37
<i>2.5 Faktor-faktor Pemberontakan</i>	40

<i>2.6 Kejayaan Gerakan Di Syam</i>	45
<i>2.7 Penolakan Hujah dan Dakwaan 'Abd Allāh</i>	48
<i>2.8 Rumusan</i>	58

Bab III

**"STRATEGI AL-MANSŪR DALAM MENGHADAPI
PEMBERONTAKAN
'ABD ALLĀH BIN 'ALĪ"**

<i>3.1 Respon Awal Khalīfah al-Manṣūr</i>	62
<i>3.2 Strategi al-Manṣūr</i>	
<i>3.2.1 Penghantaran Surat Amaran</i>	66
<i>3.2.2 Perlantikan Abū Muslim Sebagai Ketua Operasi</i>	67
<i>3.2.3 Pembentukan Angkatan Bersenjata</i>	70
<i>3.2.4 Penghantaran Tentera Bantuan Dari Armenia</i>	72
<i>3.2.5 Penghantaran Agen Perisikan ke Syam</i>	72
<i>3.3 Siasah al-Manṣūr Dalam Perlantikan Abū Muslim</i>	
<i>3.3.1 Biodata Abū Muslim Al-Khurāsānī</i>	73
<i>3.3.2 Kekuatan dan Pengaruh</i>	75
<i>3.3.3 Rahsia Perlantikan Sebagai Ketua Operasi</i>	77
<i>3.4 Episod-episod Peperangan</i>	
<i>3.4.1 Pergerakan Dua Ketumbukan Tentera</i>	78
<i>3.4.2 Strategi dan Taktik Peperangan Abū Muslim</i>	81
<i>3.4.3 Pertempuran Tercetus</i>	86
<i>3.5 Faktor-faktor Kekalahan 'Abd Allāh</i>	
<i>3.5.1 Penyingkiran Ḥamīd bin Qulaybah</i>	89
<i>3.5.2 Penyingkiran Pengaruh Khurāsāniyyīn</i>	90
<i>3.5.3 Terpengaruh Dengan Desakan pengikut</i>	91

<i>3.6 Faktor-faktor Kemenangan Tentera Kerajaan</i>	
<i>3.6.1 Faktor Perlantikan Abū Muslim</i>	94
<i>3.6.2 Sokongan Berterusan Dari Pihak Khalīfah</i>	95
<i>3.6.3 Pembelotan Sebahagian Pengikut ‘Abd Allāh</i>	95
<i>3.6.4 Kepatuhan Yang Tidak Berbelahbagi</i>	96
<i>3.6.5 Keberkesanan Strategi Peperangan Abū Muslim</i>	96
<i>3.6.6 Tujuan Peperangan</i>	96
<i>3.7 Implikasi Kekalahan ‘Abd Allāh</i>	
<i>3.7.1 Mencari Perlindungan</i>	98
<i>3.7.2 Perundingan dan Perjanjian Damai</i>	100
<i>3.7.3 Perletakan ‘Abd Allāh Di Bawah Pengawasan Putera Mahkota II</i>	102
<i>3.7.4 Pemenyaraan dan Kematian ‘Abd Allāh</i>	103
<i>3.7.5 Tekanan Ke atas Kaum Keluarga ‘Abd Allāh</i>	106
<i>3.7.6 Penimbuhan Ibn al-Muqaffa‘</i>	107
 <i>Bab IV</i>	
“SIASAH AL-MANŞŪR	
TERHADAP SAINGAN POLITIKNYA”	
<i>4.1 Muqaddimah</i>	110
<i>4.2 Ancaman-ancaman Terhadap Politik al-Manṣūr</i>	111
<i>4.3 Kemunculan Pemberontakan Selepas Penentangan ‘Abd Allāh</i>	
<i>4.3.1 Pemberontakan Sunbāz dan Mulabbad</i>	112
<i>4.3.2 Pemberontakan Khurāsān</i>	113
<i>4.3.3 Pemberontakan Ustādh Sīs</i>	114
<i>4.3.4 Pemberontakan al-Rawāndiyah</i>	115
<i>4.3.5 Pemberontakan al-Ṣafariyyah</i>	117
<i>4.3.6 Pemberontakan ‘Alawiyīn</i>	118

4.4 Ancaman Abū Muslim al-Khurāsānī	
4.4.1 Faktor-faktor Ketokohan Abū Muslim	128
4.4.2 Kerenggangan Hubungan Antara Al-Manṣūr dan Abū Muslim	132
4.4.3 Abū Muslim Menjadi Korban Siasah al-Istdirāj	135
4.5 Penyingkiran ‘Isā bin Mūsā	139
4.6 Siasah Al-Manṣūr Terhadap ‘Isā	140
4.7 Rumusan Siasah al-Manṣūr	
4.7.1 Siasah al-Tuhmah (Tindakan Berasaskan Syak Tuduhan)	143
4.7.2 Siasah strategi Serampang Dua Mata	145
4.7.3 Helaah Diplomasi	146
4.7.4 Memerangkap Musuh Dengan Sesuatu Tindakan Yang Diarahkan	148
4.7.5 Penyebaran Propaganda	149
4.7.6 Politik Wang Sogokan kemewahan	150
4.7.7 Politiik Pecah Dan Perintah (Siasah al-Taqsīm)	151
KESIMPULAN	154
SARANAN-SARANAN	161
KATA PENUTUP	163
BIBLIOGRAFI	165
<i>LAMPIRAN 1 Surat Perjanjian Di antara Al-Manṣūr dan ‘Abd Allāh b. Alī</i>	170
<i>LAMPIRAN 2 Surat Al-Manṣūr Kepada Muḥammad Al-Nafs Al-Zakiyyah</i>	172
<i>LAMPIRAN 3 Surat Balas Al-Nafs Al-Zakiyyah Kepada Al-Manṣūr</i>	173
<i>LAMPIRAN 4 Jawapan Balas Al-Manṣūr Kepada Al-Nafs Al-Zakiyyah</i>	174